

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	18/10/2019	MUKA SURAT	: 22
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Kuala Lumpur

Kelantan, Terengganu dan utara Semenanjung dijangka dilanda banjir bulan depan, menurut Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor pula diramalkan mengalami banjir pada Disember manakala Johor, Pahang dan barat Sarawak pada Januari 2020 serta barat Sarawak pada Februari tahun hadapan.

Perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Bencana Pusat di Putrajaya semalam dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Menurut kenyataan dikeluarkan oleh Nadma berhubung mesyuarat itu, Jabatan Meteorologi meramalkan Monsun Timur Laut (MTL) akan bertiap bermula hujung bulan ini hingga Mac depan dengan tahap banjir dijangka hampir sama dengan keadaan yang berlaku pada 2016 dan 2017.

Sehubungan itu, timbalan perdana menteri mengarahkan agensi di semua peringkat daerah, negeri dan persekutuan untuk memastikan persediaan sumber manusia, aset, pusat pemindahan sementara, pusat pemindahan sementara, pejabat, pangkalan hadapan dan bekalan sokongan.

Nadma juga akan meningkatkan sistem amaran bencana pada

happ yang optimum agar tidak balas sepanjangan musim itu berjalan lancar.

Menurut kenyataan itu, mesyuarat turut memutuskan supaya cuti pegawai dan anggota yang terlibat dalam pengurusan bencana dibekukan mulai November ini hingga Februari tahun hadapan membolehkan pegawai agensi pengurusan bencana, pegawai pejabat daerah dan negeri, anggota polis, tentera, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Bagaimanapun, kelonggaran terhadap pembekuan cuti ini tertakluk kepada bu- di bicara Ketua Jabatan masing-masing.

Secara keseluruhannya, 80,672 pegawai dan anggota daripada semua agensi yang terlibat berada dalam keadaan bersiap siaga sepenuhnya.

Mereka dibantu 6,490 aset serta jentera seperti bot, lori dan ambulans serta 28,552 buah khemah kubikel untuk kegunaan pusat pemindahan selain Kementerian Kesihatan juga berada dalam keadaan bersiap siaga dari aspek kemudahan kesihatan.

Untuk musim tengkujuh kali ini, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM4 juta daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) bagi pelaksanaan operasi



## Bah landa Disember, Januari

Cuti pegawai, anggota terbabit dalam pengurusan bencana dibekukan bermula November hingga Februari

SERAMAI 80,672 pegawai dan anggota daripada semua agensi yang terbabit berada dalam keadaan bersiap siaga.

bencana dengan RM100,000 akan diagihkan kepada setiap agensi terbabit.

Pada masa sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengaturnya Pusat Pemindahan Sementara (PPS) banjir yang kini berjumlah 5,482 bagi menam-

ampung kapasiti seramai 1,626,368 mangsa.

Sejumlah 6,044 pegawai, 165 kaunselor, 942 Pasukan Sokongan Psikologi (PST) dan 11,559 sukarelawan JKMA akan digerakkan apabila perlu dan semua depot dan stor di peringkat negeri serta daerah juga bersedia untuk menyampaikan perkhidmatan.

Nadma juga akan meningkatkan sistem amaran bencana iaitu penyampaian mesej termasuk melalui media sosial kepada komuniti yang berisiko tinggi berdepan bencana itu. - Bernama